

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 57

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi Kementerian untuk menangani penyakit Hepatitis C, selepas tempoh "compulsory licensing" berakhir untuk ubat Sofosbuvir iaitu pada Oktober 2020.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Hak Kerajaan untuk ubat sofosbuvir generik telah membolehkan Kerajaan menawarkan rawatan kuratif kepada pesakit-pesakit Hepatitis C bermula Mac 2018 pada kos yang mampu dibiayai oleh Kerajaan. Perolehan ubat sofosbuvir yang dibuat melalui kontrak pusat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan berakhir pada 1 Februari 2020.

Perancangan perolehan seterusnya bagi ubat sofosbuvir akan dilaksanakan melalui tender terbuka memandangkan terdapat produk generik di bawah *Voluntary License* yang telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah. *Voluntary license* merupakan kebenaran yang diberikan oleh pemegang paten iaitu Gilead Sciences kepada pembuat generik untuk mengilang, mengimport dan mengedarkan ubat versi generik untuk produk yang telah dipatenkan di Malaysia.

Yang di-Pertua,

KKM akan terus komited dalam memastikan jangkitan Hepatitis C dapat dikawal, dicegah dan dirawat serta diberikan penjagaan sewajarnya. Sebanyak lima (5) strategi telah dirangka untuk menangani jangkitan hepatitis C ini meliputi;

1. Advokasi, komunikasi dan mobilisasi sosial di mana aktiviti kesedaran orang awam mengenai Hepatitis C akan terus dipertingkatkan melalui pelbagai kaedah termasuk media sosial dan dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk masyarakat dan badan bukan Kerajaan.
2. Menambahbaik kualiti dan liputan pencegahan di mana aktiviti saringan bagi mengesan awal kes Hepatitis C akan terus dipertingkatkan dengan menggunakan kaedah yang lebih murah dan cepat. Dalam masa yang sama, aktiviti pengurangan mudarat turut dimantapkan bukan sahaja untuk menangani jangkitan HIV malahan juga jangkitan Hepatitis C.
3. Meningkatkan akses terhadap diagnostik, rawatan dan jagaan di mana lebih banyak fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia akan dapat memberikan rawatan dan jagaan Hepatitis C. Ini bagi membolehkan lebih ramai pesakit hepatitis C mendapat rawatan dan sembuh daripada jangkitan. Jumlah pesakit Hepatitis C yang telah menerima rawatan di fasiliti KKM dengan ubat Sofosbuvir bermula Mac 2018 sehingga Mei 2019 adalah seramai 2,428 orang. Pada tahun 2019, sebanyak 69 fasiliti KKM dijangka akan merawat pesakit Hepatitis C.
4. Memastikan informasi strategik yang berkualiti disediakan bagi membolehkan ia digunakan oleh pembuat polisi dan perancang dalam merangka tindakan, melaksana, memantau, menilai dan membuat kajian yang berkaitan dalam memantapkan program.

5. Peningkatan pembangunan kapasitas di mana kita akan memastikan sumber tenaga mempunyai berkemahiran untuk menjalankan aktiviti pengawalan, pencegahan, rawatan dan penjagaan Hepatitis C melalui latihan berterusan dan di masa sama sumber adalah mencukupi.

Yang di-Pertua,

Strategi-strategi ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk menghapuskan jangkitan virus Hepatitis C menjelang 2030 sejajar dengan sasaran *Sustainable Development Goals* (SDG) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan sasaran strategi Sektor Kesihatan Global bagi jangkitan Hepatitis oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sekian, terima kasih.